

Rabu, 28 Ogos 2019 | 7:52pm



Mohamad Amir (kanan) memeriksa kenderaan yang diubahsuai di stor simpanan di Kampung Kolam bagi membawa petrol bersubsidi sebelum menjualnya ke negara jiran. - NSTP/Dziyaul Afnan Abdul Rahman

KPDNHEP patah sindiket seludup bahan api ke negara jiran

Oleh Dziyaul Afnan Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

PADANG BESAR: Satu sindiket penyeludupan petrol dan diesel bersubsidi ke negara jiran berjaya dipatahkan berikutan penahanan tiga anggota kumpulan terbabit dalam serbuan ke atas stor yang dijadikan tempat penyimpanan bahan api itu di Kampung Kolam di sini, hari ini.

Dalam serbuan jam 6.30 pagi itu, Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis turut merampas 3,985 liter petrol dan 90 liter diesel.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Perlis, Mohamad Amir Abdullah, berkata pihaknya turut merampas empat kereta yang diubah suai yang dipercayai digunakan untuk kegiatan itu.

Katanya, nilai rampasan keseluruhan membabitkan bahan bakar dan empat kereta lebih RM73,000.

“Ketiga-tiga suspek berusia antara 30 hingga 50 tahun termasuk seorang wanita akan ditahan reman bagi membantu siasatan. Kumpulan itu antara sindiket yang dikehendaki kerana terbabit dalam kegiatan menyeludup bahan api,” katanya dalam sidang media selepas operasi itu.

Modus operandi sindiket terbabit ialah menggunakan kereta yang diubahsuai untuk membeli bahan api bersubsidi di empat stesen minyak sekitar sini dan menyimpannya di stor berkenaan. Mereka dipercayai melakukan sekurang-kurangnya 12 ‘trip’ sehari.

Anggota sindiket dipercayai memandu kereta yang diubahsuai itu secara bergilir-gilir untuk mengelak kegiatan itu dikesan pengusaha stesen minyak.

Sindiket itu dipercayai mengumpulkan kira-kira 1,000 liter bahan bakar sehari dan dibawa ke stor berkenaan sebelum diagihkan kepada pembeli warga Thailand.

Mohamad Amir berkata, sindiket itu memperoleh komisen 50 sen bagi setiap liter yang dijual kepada pelanggan.

“Kami percaya harga petrol yang mahal di negara jiran mendorong rakyat tempatan melakukan kegiatan penyeludupan bagi mengaut keuntungan,” katanya.

Kes disiasat mengikut Peraturan peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

